

Anda dialu-alukan untuk menyertai UKM, salah satu universiti penyelidikan terulung di Malaysia, sebagai Pengurus Projek Kursi Perubahan Iklim UKM-YSD, bertempat di kampus Bangi.

## **Pengurus Projek Kursi Perubahan Iklim UKM-YSD**

### **Tanggungjawab:**

Pengurus Projek akan menyokong Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim Tropika (IKLIM), Fakulti Sains dan Teknologi, UKM untuk membangunkan idea, melaksanakan aktiviti dan mewujudkan perkongsian yang saling bermanfaat yang akan memacu penglibatan mampan antara universiti, pihak berkepentingan industri dan organisasi antarabangsa untuk memperkayakan tiga domain utama Universiti: penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan. Pengurus Projek akan mengetuai Kursi Perubahan Iklim UKM-YSD dan akan melaporkan secara langsung kepada Ketua Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim Tropika (IKLIM), FST, UKM.

### **Keperluan:**

Pengurus Projek perlu menjadi individu yang berorientasikan sasaran, sangat bermotivasi sendiri yang merupakan seorang pelaksana yang aktif dan rajin. Dia / Beliau mesti mempunyai pengetahuan pemasaran yang sangat baik dan kemahiran organisasi dan menunjukkan penguasaan dwibahasa (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris). Pengurus Projek perlu mempunyai personaliti yang menyenangkan dan kemahiran komunikasi yang baik untuk menyusun dan membawa pihak-pihak yang berkenaan bersama-sama untuk kerjasama.

Jawatan ini ditawarkan secara kontrak. Pemohon yang berjaya perlu bersedia untuk memulakan secepat mungkin. Pakej yang menarik disediakan bagi calon yang sesuai.

- Calon perlu mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Ijazah Profesional, Ijazah Sarjana, Pengajian Perniagaan / Pentadbiran / Pengurusan / HR / kelayakan Pemasaran atau setaraf.
- Sekurang-kurangnya 5 tahun atau pengalaman kerja yang diperlukan untuk jawatan ini.

Permohonan hendaklah dikemukakan secara elektronik kepada Pn Halimatun Muhamad ([halimatun@ukm.my](mailto:halimatun@ukm.my)) sebelum **18 Oktober 2012**.

Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga dan calon yang berjaya akan diperlukan untuk memulakan secepat mungkin. Calon-calon yang tidak disenarai pendek tidak akan diberitahu.